

**SOALAN NO: 67****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN : Tuan Nga Kor Ming minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada terdapat ketirisan dan ke mana perginya subsidi tahunan beras 15 peratus campuran yang melibatkan jumlah subsidi RM540 juta.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketirisan di dalam Pengedar Beras Subsidi ST15% sememangnya berlaku dan sehingga kini terdapat 55 kes yang melibatkan pelanggaran Aku Janji sebagai Pengampit atau Pengedar Beras Subsidi ST15%. Antara pelanggaran Aku Janji yang dilakukan adalah termasuk menjual beras ST15% ke gred yang lebih tinggi, tidak mempunyai stor seperti yang dilesenkan dan tidak menyelenggara rekod jualan, belian dan stok beras. Syarikat-syarikat pemborong yang melanggar Aku Janji telah dikenakan tindakan iaitu digugurkan daripada program dan diberikan amaran termasuk dikurangkan jumlah kuota.

Peruntukan tahunan bagi program Beras Subsidi ST15% adalah berjumlah RM528 juta. Beras ini diedarkan oleh para pemborong yang dilantik untuk mengampit dan mengedarkan di lebih 15,000 kedai-kedai runcit terutamanya di luar bandar, termasuk di Kedai Rakyat 1Malaysia, Agrobazar, Kedai Peladang, Kedai Koperasi dan kedai runcit Perumahan Awam Kos Rendah/PPRT. Ini selaras

dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3/2014 di mana Kerajaan memutuskan untuk menarik balik pemasaran beras subsidi ST15% di pasar raya besar atau *hypermarket* sebagai usaha memastikan bekalan beras berkenaan sampai kepada golongan sasaran di luar bandar.